

MAHATHIR-PERTANDINGAN

1982

JOHOR BAHRU, 18 JUN (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELAHIRKAN HARAPAN BAHAWA PERTANDINGAN UNTUK JAWATAN-JAWATAN PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO DI PERINGKAT KEBANGSAAN YANG AKAN DIADAKAN SEPTEMBER INI BERJALAN DENGAN LICIN DAN KEMAS.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM MENGADAKAN PERUBAHAN DAN PERALIHAN PUCUK PIMPINAN DALAM PERGERAKAN-PERGERAKAN TERSEBUT JANGANLAH SAMPAI BERLAKU PERGOLAKAN YANG BOLEH MELEMAHKAN PARTI.

TIDAK ADA ERTINYA KEMENANGAN YANG DIPEROLEHI TETAPI MENGAKIBATKAN PERPECAHAN DAN MENJEJASKAN PERPADUAN PARTI, TEGASNYA.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN JOHOR BAHRU HARI INI, BELIAU BERKATA YANG PENTING IALAH CARA PEMILIHAN TERSEBUT DIJALANKAN.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERHARAP TIDAK AKAN TIMBUL SUNGUTAN DAN RASA TIDAK PUAS HATI SELEPAS PEMILIHAN DIBUAT.--  
BERSAMBUNG 1552/HM

MAHATHIR-PERTANDINGAN 2 JOHOR BAHRU

KATANYA BAGAIMANAPUN SEGALA SUNGUTAN BOLEH DISALURKAN KEPADA PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG AKAN MENJALANKAN SISATAN SEKIRANYA TERDAPAT PERMILIHAN YANG DIBUAT LUAR DARI PERATURAN YANG DITETAPKAN.

BELIAU MENINGGATKAN BAHAWA SEGALA PENGURUSAN PARTI HENDAKLAH MENGIKUT PERATURAN YANG TELAH DITENTUKAN.

BELIAU YAKIN SEKIRANYA AMALAN INI DIPATUHI, UMNO AKAN KEKAL SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG KUAT DAN KUKUH.

BELIAU BERKATA DALAM PENGURUSAN PARTI, PERTANDINGAN JAWATAN DAN PEMILIHAN RASA TIDAK PUAS HATI DAN PERSELESIHAN FAHAM ADALAH SATU PERKARA BIASA.

TETAPI SEKIRANYA PERKARA TERSEBUT DIBENAR MEMPENGARUHI EMOSI SEHINGGA PARA AHLI LUPA AKAN MATLAMAT ASAL PARTI MAKA IA AKAN MENJEJASKAN PERPADUAN YANG TELAH DICAPAI.

TEGASNYA, PARA AHLI HARUS MENERIMA APA YANG DITENTUKAN OLEH PUCUK PIMPINAN BAGI KEPENTINGAN PARTI.--BERSAMBUNG 1555/HM

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA PERJUANGAN UMNO BUKAN SEMATA-MATA UNTUK AHLI-AHLI UMNO TETAPI BAGI ORANG-ORANG MELAYU KHUSUSNYA.

BELIAU MENINGGATKAN PARA AHLI SEKIRANYA UMNO INGIN KEKAL SEBAGAI PEMERINTAH, IA PERLU MENDAPAT SOKONGAN BUKAN SAHAJA DARIPADA AHLI-AHLI TETAPI JUGA DARI ORANG-ORANG YANG BERSIMPATI DENGAN UMNO.

+KALAU KITA BERMUSUHAN DENGAN ORANG-ORANG YANG BERSIMPATI DENGAN UMNO TENTU MEREKA AKAN MEMBERI SOKONGAN DAN SIMPATI KEPADA ORANG-ORANG LAIN.

INI, KATANYA, AKAN MENGHALANG UMNO DARI MENCAPAI MATLAMAT MENYATUPADUKAN RAKYAT DEMI KEMAKMURAN NEGARA.

DATUK SERI MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN BELIAU AKAN MEMBUAT LAWATAN KE SEMUA NEGERI-NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA SEBELUM MESYUARAT AGUNG UMNO.

LAWATAN DATUK SERI MAHATHIR DI SINI MERUPAKAN KUNJUNGAN YANG PERTAMA DIBUAT KE NEGERI INI SEJAK PILIHANRAYA UMUM BARU-  
BARU INI.--BERNAMA 1559/HM